

16 JUL 2000

Pemerhati-Selamat

LT KOMANDER AMINUDDIN SELAMAT DI FREETOWN

PEKAN, 16 Julai (Bernama) -- Pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia Lt Komander Aminuddin Abdul Rashid yang dibebaskan semalam setelah ditahan sejak Mei lepas oleh anggota Barisan Revolusi Bersatu di Sierra Leone, kini dalam keadaan selamat.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata Aminuddin telah diselamatkan oleh pasukan khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada pukul 5 pagi semalam waktu Sierra Leone.

"Beliau dalam keadaan selamat, tiada sebarang kecederaan dan kini berada di Freetown (Sierra Leone)," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Membahaskan Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmi dan menutup Perhimpunan Agung Umno yang lepas.

Dengan pembebasan itu, bererti ketiga-tiga anggota tentera pemerhati Malaysia yang ditahan telah dibebaskan. Dua lagi yang telah dibebaskan ialah ketua pemerhati Lt Kol Hamzah Bachik dan Mejar Ganesh a/l Jaganathan.

Aminuddin ialah antara 222 anggota UNAMSIL dan 11 pemerhati dari pelbagai negara termasuk Britain, Indonesia, India, Pakistan, dan Rusia yang diselamatkan dalam operasi pembebasan itu.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak kononnya kejadian di Sauk baru-baru ini adalah sandiwara UMNO, Najib menyifatkannya sebagai tidak masuk akal.

"Ini adalah satu dakwaan yang palsu, satu pembohongan yang amat besar dan satu perkara yang tak masuk akal sama sekali," katanya.

Ditanya mengenai cadangan setiausaha Kelab Senator Malaysia Rosli Mat Hassan supaya penjualan pakaian seragam berunsur tentera diharamkan, Najib berkata tindakan serupa itu tidak berkesan.

"Soalnya kalau orang nak menyamar pun mereka boleh beli di sempadan dan sebagainya. Soalnya kita mesti mengetatkan kawalan keselamatan dan mengingatkan anggota tentang kemungkinan yang tak terfikir oleh kita yang boleh berlaku," katanya.

-- BERNAMA

SHS MAI